فرتوبوهن كبڠسأن ملايو برساتو

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU**

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran PPM/SB 25188-10190(2) – Bahagian Semporna

Rujukan : UBS189/2021/(02)
Tarikh : 10hb Oktober 2021

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
Perdana Menteri Malaysia,
Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
**62502 PUTRAJAYA.**

Yang Amat Berhormat Dato' Sri,

## SUSULAN PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN PULAU BUM-BUM

Dengan penuh hormat dan takzimnya diucapkan kepada YAB Dato' Sri dan semoga YAB Dato' Sri serta keluarga diberikan kesihatan walafiat disamping tugas harian kepada bangsa dan negara.

2. Dengan penuh iltizam dan kesungguhan kepada masyarakat Daerah Semporna sejak perjuangan bersama parti keramat UMNO dan Barisan Nasional maka kepimpinan UMNO Bahagian Semporna masih menaruh harapan terhadap Pembinaan Jambatan Pulau Bum-Bum dari Pekan Semporna yang sekian lama tertangguh pelaksanaannya akibat daripada konflik fahaman politik terdahulu. Jesteru harapan ini disandarkan kepada YAB Dato Sri sebagai penaraju utama negara sebagai Perdana Menteri untuk merealisasikan harapan masayarakt Semporna dengan terlaksanannya Jambatan Pulau Bum-Bum.

3. Sebagai pengetahuan YAB Dato Sri bahawa semasa YBhg Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Ke-5, beliau telah mengumumkan dan meluluskan Projek Pembinaan Jambatan Pulau Bum-Bum dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dengan kerja-kerja awalan telah dilaksanakan iaitu kerja-kerja penyelidikan oleh pihak JKR Kuala Lumpur. Namun kerja pembinaan sepenuhnya tidak dapat diteruskan kerana masalah tertentu dalam politik semasa. Bukan setakat semasa pemerintahan Tun Abdullah tetapi semasa YB Dato' Sri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Ke-6 beliau juga telah mengumumkan untuk meneruskan pembinaan Jambatan Pulau Bum-Bum semasa lawatan beliau ke Semporna pada 9hb April 2018 dalam "Progarm Pemimpin Bersama Rakyat"

04. Oleh yang demikian dengan penuh rasa tanggungjawab kepada keperluan masyarakat Semporna maka saya memohon budibicara dan pertimbangan YAB Dato' Sri agar meluluskan permohonan susulan ini bagi Projek Pembinaan Jambatan Pulau Bum-Bum dari Pekan Semporna melalui **Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sabah Dan Persekutuan.**

Dalam permohonan susulan projek ini dilampirkan dokumen berkaitan untuk perhatian YAB Dato' Sri. Keprihatinan YAB Dato' Sri dalam perkara ini sangat diharapkan dan didoakan akan terus dirahmati Allah SWT.

Sekian dan terima kasih.

**"BERSATU – BERSETIA – BERKHIDMAT"**

Saya yang benar,

**YBHG DATO' SRI NASIR BIN TUN DR HJ SAKARAN, JP**
PenasihatUMNO Bahagian Semporna

s.k. - Fail Urusetia Pejabat UMNO Bahagian Semporna.


**Pejabat Pentadbiran UMNO Bahagian Semporna,**
Peti surat 326, Tingkat 1 & 2, Blok G, Lot 11, Bandar Mutiara, 91308 Semporna Sabah.
Tel & Fax : 089-781605